

Muhyiddin tak tahu Anwar pernah ditawarkan jadi TPM
The Malaysian Insider
Feb 24, 2015

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak mahu terjebak dengan apa yang disifatnya polemik yang tidak menguntungkan ekoran dakwaan kononnya Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah ditawarkan jawatan timbalan perdana menteri.

Katanya beliau tidak mengetahui tentang tawaran itu dan hanya mengetahui mengenai dakwaan itu melalui media.

"Saya tidak pasti apakah kenyataan itu benar ataupun tidak dan saya tidak mahu terlibat dalam polemik yang tidak menguntungkan," katanya ketika diminta mengulas dakwaan Anggota Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar bapanya pernah ditawarkan jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Ditemui pemberita selepas melancarkan Pelan Transformasi Minda Ke Arah Negara Bersih, Indah Dan Sejahtera 2015-2020 hari ini, Muhyiddin berkata ada isu yang lebih utama yang perlu dihadapi seperti isu ekonomi dan sosial.

"Soal-soal jawatan tidak menjadi perhatian penting bagi saya, kalau ada siapa buat tuduhan macam-macam itu hak mereka. Tetapi kita orang yang faham, jangan mudah terperangkap hingga menjadikannya satu debat atau konflik yang tidak berguna. Saya tidak fikir itu yang dikehendaki rakyat Malaysia," katanya.

Beberapa portal melaporkan bahawa Nurul Izzah mendakwa Anwar pernah ditawarkan jawatan timbalan perdana menteri selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) pada 2013.

Anwar kini menjalani hukuman penjara selepas Mahkamah Persekutuan pada 10 Februari lepas menolak rayuannya terhadap sabitan dan hukuman penjara kerana meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan pada 2008, dan mengekalkan hukuman penjara 5 tahun.

Kepada soalan sama ada Umno mempunyai perasaan tidak senang dengan tindakan Ketua Pendakwa Raya kes Anwar, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mengadakan ceramah memberikan penerangan mengenai kes itu, Muhyiddin berkata itu adalah hak peguam terkemuka berkenaan.

"Itu hak dia (Shafee), beliau dijemput untuk memberikan penjelasan dan rakyat mahu mendengarnya. Shafee seorang yang pandai, kalau dia fikir sesuai, itu hak dia," katanya. – Bernama, 24 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-tidak-tahu-tawaran>

-jawatan-timbalan-perdana-menteri-kepada-anwar